

UPM hasilkan vaksin manusia

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM), yang terkenal dengan kepakaran pertanian, maju setapak lagi — menghasilkan vaksin manusia.

Ketua program itu, Dr Mohd Azmi Mohd Lila, berkata projek vaksin itu dijalankan secara usaha sama antara Institut Bio-Sains universiti itu dan Pusat Kejuruteraan Genetik Cuba.

"Vaksin itu boleh digunakan untuk menyembuhkan penyakit berjangkit biasa sekarang. Kita menggunakan teknologi Cuba untuk menghasilkan vaksin ini lebih cepat yang biasanya mengambil masa tujuh tahun," kata beliau yang juga Ketua Jabatan Vaksin dan Makmal Immunoterapeutik UPM kepada pemberita di sini semalam.

Dengan peruntukan lebih RM50 juta yang dibayayai UPM, sebuah syarikat farmaseutikal tempatan dan kerajaan, beliau berkata saintis tempatan akan cuba memperbaiki vaksin sedia ada dan menjadikannya lebih murah di pasaran. - Bernama